

Headline KIST lahir tenaga kerja bermutu
Date 24 Nov 2010
MediaTitle Berita Harian
Section Sentral
Journalist N/A
Frequency Daily
Circ / Read 192,982 / 1,521,000

Language Malay
Page No 4,5
Article Size 1238 cm²
Color Full Color
ADValue 54,541
PRValue 163,624



KIST lahir tenaga kerja bermutu

Pengiktirafan MQA bantu penuhi sektor awam, swasta

Mohd Fakri Awang Lah

KOTA BHARU: Graduan Kolej Islam Sains dan Teknologi (KIST) nyata berpuas hati terhadap sistem pembelajaran yang ditawarkan kolej sains kesihatan terbesar di Pantai Timur, kerana kemampuan masing-masing mendapat pekerjaan sesuai dengan pengajian diambil.

Pengiktirafan penuh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) terhadap kursus terawal ditawarkan KIST, membolehkan graduan kolej itu diterima kerajaan atau sektor awam serta swasta di seluruh negara tanpa sebarang masalah.

Malah, kekuatan sistem pembelajaran berpaksikan kepada latihan amali di hospital dan klinik kerajaan yang wajib pada setiap semester serta khidmat komuniti, selepas pembelajaran dalam kelas meningkatkan keyakinan graduan berdepan situasi sebenar dengan masyarakat.

Keyakinan majikan terhadap kualiti graduan KIST menyaksikan lepasan kolej itu kini berkhidmat dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta termasuk hospital, pusat perubatan, klinik, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

Penerimaan luas oleh sektor awam dan majikan swasta terhadap mereka menyaksikan graduan KIST ditawarkan gaji antara RM800 hingga RM3,000 sebulan, bergantung kepada tahap pencapaian masing-masing dalam keputusan peperik-

saan.

Anak kelahiran Kota Kinabalu, Sabah, Syacereyne Suan Yun Chin, 21, menyifatkan keprihatinan pengurusan KIST terhadap aspek kebajikan pelajar sepanjang pengajian membuatkan beliau cukup terharu, selepas nekad merantau belajar di Kelantan.

"KIST begitu prihatin terhadap aspek kebajikan dengan menyediakan pengangkutan dan penginapan kepada semua pelajar. Lokasinya di Bachok membentuk persekitaran yang bagus untuk pembelajaran.

"Selepas tamat pengajian Diploma Pembantu Perubatan di KIST pada Jun lalu, saya diterima sebagai pelatih di Institut Jantung Negara (IJN) untuk Kardiovaskular Technologist Training selama setahun," kata bekas pelajar aliran Perakaunan.

Bekas pelajar Maktab Mahmud Padang Terap, Kedah,

Muhammad Burhanuddin Othman, 24, melahirkan rasa bertuah terhadap peluang melanjutkan pengajian di KIST.

"Berebalkan keputusan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang sederhana, saya diterima masuk ke KIST dalam bidang Pengajian Syariah mulai Jun 2005 hingga Disember 2007.

"Selepas tamat pengajian, sementara mendapat pekerjaan tetap saya menjadi guru ganti sebelum diterima berkhidmat dengan JAKIM mulai pertengahan tahun lalu sebagai Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam," katanya yang kini turut bertugas sebagai Imam Masjid Saidina Umar Al-Khattab di Bukit Damansara,

Kuala Lumpur.

Jururawat di Jabatan Oftalmologi Hospital Kuala Lumpur (HKL), Hashimah Mokhtar, 23, dari Felda Jerangau Barat, Terengganu, berkata berbekalkan keputusan 3A dalam SPM, beliau nekad memohon masuk ke KIST pada 2005 dan tamat pada 2008.

"Saya masuk KIST ketika ia baru dibuka. Walaupun mulanya ragu-ragu, namun ia meningkatkan keyakinan saya menerusi sistem pembelajaran yang bermutu serta mengutamakan aspek latihan amali di hampir semua hospital kerajaan seluruh Pantai Timur sepanjang pengajian.

"Keadaan itu membuatkan suasana belajar dan bekerja tidak banyak berbeza. Ini membuatkan graduan KIST mudah menempuh cabaran sejourus memasuki alam pekerjaan," katanya yang pernah bertugas dengan Kuala Terengganu Specialist Hospital sejourus tamat pengajian.

Anak kelahiran Tanah Merah, Kelantan, Mohd Atiq Che Azuhari, 21, mengakui keyakinan majikan terhadap mutu graduan KIST membolehkan beliau diterima berkhidmat sebagai Pembantu Perubatan di Klinik Kesihatan KEWAJA, Kemaman, sejak Ogos lalu selepas dua bulan tamat pengajian.

"Tak banyak perbezaan apa yang dilalui ketika belajar dan praktikal dulu dengan suasana kerja masa kini. Pengalaman yang banyak ditimba ketika latihan amali banyak membantu saya sejak bertugas di sini.

Jururawat wad bersalin di

Kajang Plaza Medical Centre

(KPMC), Nadia Khalilah Yaakob, 21, berkata berbekalkan tiga kredit dalam Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia (SPVM), beliau diterima memasuki Diploma Kejururawatan di KIST pada Jun 2007 sebelum menamatkan pengajian pada Jun 2010.

"Selepas menerima diploma pada konvokesyen Oktober lalu, saya diterima berkhidmat dengan KPMC

mulai awal bulan ini. Saya cukup teruja kerana mendapat pekerjaan sejourus tamat pengajian. Pengiktirafan MQA terhadap kursus di KIST cukup membanggakan.

KIST ternyata cukup membantu saya ketika berdepan dunia sebenar alam pekerjaan ketika ini," kata bekas pelajar jurusan Pengurusan Makanan dari Sekolah Menengah Teknik (SMT) Sepang itu.

Penolong Pegawai Perubatan di Hospital Tuanku Jaafar (HTJ) Seremban, Dahlia Mohd Nasir, 22, berkata beliau nekad meninggalkan persekolahan Tingkatan Enam, sejourus menerima tawaran masuk ke KIST untuk Diploma Pembantu Perubatan pada Januari 2007 hingga Disember 2009.

"Selepas tiga semester mengikuti pengajian teori, saya menjalani latihan amali selama tiga semester di Hospital Machang, Pasir Mas, Gua Musang dan Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, serta Klinik Kesihatan Wakaf Che Yeh.

"Selepas tamat pengajian, saya diterima menyertai perkhidmatan kerajaan dan

Headline **KIST lahir tenaga kerja bermutu**
Date **24 Nov 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Sentral**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **4,5**
Article Size **1238 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **54,541**
PRValue **163,624**

ditempatkan di HTJ sejak pertengahan tahun ini. Pengalaman ketika latihan amali dulu cukup berguna kepada saya dalam pekerjaan sekarang," kata bekas pelajar Sekolah Menengah Tun Hussein Onn, Kluang, Johor.

Bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Mergong, Kedah, Mohd Khairul Amri Abdul Ghani, 21, menyifatkan suasana Kampus KIST yang terletak di kawasan kampung dekat Bachok, menjadi persekitaran yang cukup baik untuk proses pembelajaran pelajarannya.

"Berebalkan kelulusan SPM dalam jurusan agama yang memenuhi syarat minimum, saya diterima masuk ke KIST untuk pengajian Diploma Pembantu Perubatan.

"Namun, selain mengikuti latihan amali intensif sepanjang pengajian, saya turut menyertai program khidmat masyarakat di Kedah, Terengganu dan Kelantan, yang memerlukan kami tinggal di kawasan kampung mendekati

penduduk," katanya yang kini bertugas sebagai Pembantu Perubatan di Pusat Kesihatan Universiti Utara Malaysia (UUM).

Juru x-Ray di Hospital Ipoh, Nor Hazwani Hashim, 25, dari Kuala Kangsar, Perak, berkata beliau cukup bangga menjadi graduan KIST kerana mendapat pekerjaan dalam masa dua minggu sejeurus tamat pengajian pada Disember 2008.

"Walaupun terpaksa membuat pinjaman RM50,000 bagi membiayai pengajian tetapi tapi berbaloi sebab lepas habis belajar terus dapat kerja. Tak salah belajar di kolej swasta, asalkan belajar secara konsisten dan komited untuk dapatkan hasil yang diharapkan," kata bekas pelajar jurusan kejuruteraan elektrik di Sekolah Menengah Teknik, (SMT) Grik itu.

“Saya teruja dapat pekerjaan sejeurus tamat pengajian.

Pengiktirafan MQA terhadap KIST cukup membanggakan.

KIST membantu saya berdepan dunia sebenar alam pekerjaan ketika ini”

Nadiah Khalilah Yaakob
Jururawat KPMC

“Berebalkan kelulusan SPM dalam jurusan agama yang memenuhi syarat minimum, saya diterima masuk ke KIST untuk pengajian Diploma Pembantu Perubatan”

Mohd Khairul Amri Abdul Ghani
Lulusan Diploma Pembantu Perubatan



Headline **KIST lahir tenaga kerja bermutu**
Date **24 Nov 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Sentral**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **4,5**
Article Size **1238 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **54,541**
PRValue **163,624**



NOORHASLINA (kanan) memimpin sebahagian daripada perubatan wanita yang dilatih KIST membuat latihan menyelamatkan pesakit.



SEBAHAGIAN pelajar Kolej Islam Sains dan Teknologi (KIST) turut diberi peluang memberi perkhidmatan pemeriksaan kesihatan secara percuma kepada orang ramai.